KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	02.09.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:				

Kolam musang king Gunung Inas: Kedah diminta ambil tindakan sewajarnya

BALING - Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyarankan kerajaan Kedah mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya berhubung kewujudan tiga kolam takungan projek musang king di Gunung Inas.

Menurutnya, tindakan itu bagi menangani kerisauan penduduk berdekatan terutama Kampung Iboi yang terjejas akibat bencana kepala air sehingga mengorbankan tiga nyawa dalam kejadian pada 4 Julai lalu.

"Saya akan minta kerajaan negeri untuk ambil tindakan sewajarnya. Bagaimana kerajaan Kedah mahu laksanakan, terserah kepada kerajaan negeri memandangkan ia di bawah bidang kuasa mereka.

"Isu kolam berkenaan perlu diselesaikan. Jika tidak, kita baiki rumah baharu, siap rumah, kalau kolam itu pecah, bimbang berlaku banjir yang lebih teruk daripada sebelum ini.

"Demi keselamatan penduduk, saya akan bincang segera dengan Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor supaya ambil tindakan segera," katanya pada Khamis.

Sementara itu, berhubung cadangan pembinaan struktur sabo di Baling, Ismail Sabri berkata, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) akan menilai semula cadangan tersebut.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan tiga mangsa terkorban dalam tragedi kepala air di Kampung Iboi, Kupang Baling pada 4 Julai lalu setelah rumah mereka dibawa arus deras.